

**REKA BENTUK DAN RAGAM HIAS MONUMEN
PENGEBUMIAN *SUNGKUP* MASYARAKAT
IBAN DI BAHAGIAN SARIKEI
SARAWAK**



NAZRI ANAK MAMBUS

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

**REKA BENTUK DAN RAGAM HIAS MONUMEN
PENGEBUMIAN *SUNGKUP* MASYARAKAT
IBAN DI BAHAGIAN SARIKEI
SARAWAK**

NAZRI ANAK MAMBUS



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.


*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan, yang setiap satunya telah saya nyatakan dan jelaskan sumbernya.

14 OGOS 2019

Nazri Anak Mambut
MA 1411119T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **NAZRI ANAK MAMBUS**

NO. MATRIK : **MA 1411119T**

TAJUK TESIS : **REKA BENTUK DAN RAGAM HIAS MONUMEN
PENGEBUMIAN *SUNGKUP* MASYARAKAT IBAN DI
BAHAGIAN SARIKEI SARAWAK.**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)**

TARIKH VIVA : **14 MEI 2019**



PENYELIA

Profesor Madya Dr. Haji Baharudin Bin Haji Mohd. Arus

DISAHKAN OLEH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Saya dahului dengan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Haji Baharudin bin Haji Mohd. Arus kerana telah banyak berkorban masa dan tenaga membimbing saya sepanjang penyelidikan ini. Beliau telah banyak membantu saya dalam memperbaiki kelemahan dalam menjalankan penyelidikan dan juga telah memudahkan saya dalam merancang keseluruhan penyelidikan ini.

Di sini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada informan utama saya Kedit Anak Chundang serta penduduk kampung Ulu Entabai, terutamanya penduduk rumah panjang rumah Kedit Sungai Buluh dan Rumah Ajit Chirey kerana telah sudi untuk memberikan maklumat berkaitan penyelidikan kepada saya disamping menerima kehadiran saya semasa kajian ini dijalankan terima kasih sekali lagi di atas kesempatan yang sangat bermakna ini.

Seterusnya, penghargaan tertinggi saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak berkorban dari segi kewangan, masa dan tenaga dalam membantu saya agar proses penyelidikan saya dapat dilaksanakan dengan lancar. Ucapan terima kasih juga kepada setiap ahli keluarga saya khususnya adik beradik saya yang telah menyokong saya secara moral dan rohani. Dengan adanya sokongan padu daripada mereka, saya mampu menyiapkan penyelidikan ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pensyarah serta rakan seperjuangan saya dan beberapa pihak lain yang telah banyak mencurahkan bakti dan membantu saya. Saya sangat terhutang budi di atas bantuan yang saya terima daripada kalian. Segala jasa baik dan pertolongan daripada setiap pihak akan saya iringi dalam doa saya. Sebagai penutup, semoga bahan penyelidikan ini akan menjadi bahan rujukan kelak dalam penulisan akan datang.

Nazri Anak Mambut

14 Ogos 2019

ABSTRAK

Penulisan ini adalah penyelidikan mengenai monumen pengebumian *sungkup* yang dibuat oleh masyarakat Iban semasa perayaan Gawai Antu, Pembinaan *sungkup* dalam perayaan Gawai Antu merupakan persembahan terakhir untuk si mati. *Sungkup* ini diperbuat daripada kayu jenis keras dan bentuknya yang kecil seperti pondok ataupun dikenali *burial huts*. Dalam masyarakat Iban mereka akan membuat *sungkup* dengan pelbagai reka bentuk dan ragam hias misalnya *balu menyagu* yang boleh dikaitkan dengan kepercayaan kehidupan selepas kematian. Lokasi kajian dilakukan adalah di kampung Sungai Buluh Ulu Entabai Pakan Sarikei Sarawak. Kajian hanya berfokus kepada tujuh buah monumen *sungkup* sahaja. Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kajian etnografi dan bersifat kualitatif iaitu penglibatan pengkaji terus di lapangan. Data diperolehi melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan merekod data. Dalam menganalisis data yang diperolehi pengkaji menggunakan pendekatan teori ikonografi yang dikemukakan oleh Erwin Panofsky dan gabungan analisis formalistik oleh Edmund Feldman. Terdapat empat tahap dalam pendekatan Feldman iaitu diskripsi, analisis formal, interpretasi dan juga penilaian manakala pendekatan Panofsky adalah primer, sekunder dan makna. Hasil daripada gabungan pendekatan tersebut maka terhasil kaedah pendekatan yang digunakan oleh pengkaji iaitu deskripsi subjek, analisis formalistik dan interpretasi budaya. Pengkaji meneroka serta mengenal pasti makna yang tersirat pada reka bentuk, ragam hias dan pengaruh budaya dalam penghasilan monumen *sungkup*. Hasil kajian ini mendapati bahawa penghasilan reka bentuk dan ragam hias pada monumen *sungkup* dipengaruhi oleh adat dan budaya, kepercayaan tradisi, kehidupan seharian serta keperibadian si mati.

ABSTRACT

DESIGN AND DECORATION OF SUNGKUP BURIAL MONUMENT BY THE IBAN ETHNIC AT SARIKEI, DISTRICT SARAWAK

This study is a research on the funeral monuments sungkup that was made by the Iban community during the festival of Gawai Antu. The construction of the sungkup in the Gawai Antu festival is the last offering for the dead. The Sungkup is made of hardwood and its small shape like cottage or known burial huts. In their Iban society they will come up with a variety of designs and various ornamentals such as a balu menyagu who may be associated with life's beliefs after death. The location of the study was at the village of Sungai Buluh Ulu Entabai pakan Sarikei Sarawak. The study focuses on only seven monuments of sungkup. The research methodology used by the researcher is ethnographic and qualitative study which is the direct involvement of researchers in the field. The data were obtained through observation, interviewing and data recording. The data analyzing obtained by the researchers using the approach of the iconography theory presented by Erwin Panofsky and a combination of formalistic analysis by Edmund Feldman. There are four stages in Feldman's approach namely description, formal analysis, interpretation and evaluation while Panofsky's approach is primary, secondary, and meaningful. As a result of this combination of demonetisation, the methodology used by the researcher is the subject description, the formalistic analysis and the cultural interpretation. The researcher explores and identifies the implied meaning of design, decoration and cultural influence in the production of the monument sungkup. The results of this study found that the design and decoration of the monument was influenced by custom and culture, traditional beliefs, daily life and the personality of the deceased.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI FOTO	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	7
1.8 Lokasi Kajian	8
1.9 Metodologi kajian	9
1.9.1 Data Primer	11
1.9.2 Data Sekunder	11
1.9.3 Kaedah Analisis Data	12
1.9.4 Kerangka Teori	12
1.10 Huraian Istilah	16
1.11 Penutup	18

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Latar belakang masyarakat Iban	19
2.3	Agama dan Kepercayaan	
2.3.1	<i>Tuai Burung</i>	22
2.3.2	<i>Tuai Rumah</i>	22
2.3.3	<i>Lemambang</i>	22
2.3.4	<i>Manang</i>	23
2.4	Aktiviti ekonomi	24
2.5	Adat Kematian	25
2.6	Perayaan Gawai	27
2.6.1	<i>Gawai</i> berkaitan pertanian	28
2.6.2	<i>Gawai Burung</i>	30
2.6.3	<i>Gawai Pangkong Tiang</i>	30
2.6.4	<i>Gawai Antu</i>	30
2.7	Binaan monumen pemakaman di Sarawak	33
2.8	Tanda pengebumian di Sabah	36
2.9	<i>Sungkup</i>	37
2.9.2	<i>Ngeretok sungkup</i>	38
2.9.3	<i>Nganjung sungkup</i>	39
2.10	Monumen megalitik	39
2.11	Aspek ragam hias	40
2.11.1	Elemen reka bentuk	40
2.11.2	Elemen ragam hias	42
2.12	Kajian ragam hias masyarakat Iban dalam kontek seni tampak	45
2.12.1	Motif seni kraftangan masyarakat Iban	49
2.13	Aspek reka bentuk	54
2.14	Penutup	56

BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	58
3.2	Perspektif Teoritikal	58
3.3	Reka Bentuk Kajian	60
3.4	Prosedur Kajian	62
3.5	Limitasi Kajian	63
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	63
3.6.1	Kajian Perpustakaan	64
3.6.2	Kaedah Pemerhatian	64
3.6.3	Kaedah Temu bual	65
3.7	Kaedah Analisis Data	67
3.7.1	Kerangka Teori	68
3.7.2	Rubrik Analisis Reka Bentuk dan Ragam Hias	72
3.8	Penutup	74

BAB 4 ANALISIS REKA BENTUK, RAGAM HIAS DAN MAKNA MONUMEN SUNKUP

4.1	Pendahuluan	75
4.2	<i>Sungkup</i>	76
4.3	Proses dan teknik pembuatan <i>sungkup</i>	76
4.4	Pantang larang dalam membuat <i>Sungkup</i>	77
4.5	Alat dan bahan pembuatan <i>sungkup</i>	78
4.6	Analisis reka bentuk asas <i>sungkup</i>	80
4.6.1	Analisis reka bentuk asas <i>sungkup</i> 1	82
4.6.2	Analisis reka bentuk asas <i>Sungkup</i> 2	87
4.6.3	Analisis reka bentuk asas <i>Sungkup</i> 3	91
4.6.4	Analisis reka bentuk asas <i>Sungkup</i> 4	95
4.6.5	Analisis reka bentuk asas <i>Sungkup</i> 5	100
4.6.6	Analisis reka bentuk asas <i>Sungkup</i> 6	104
4.6.7	Analisis reka bentuk asas <i>Sungkup</i> 7	109
4.6.8	Rumusan analisis reka bentuk <i>sungkup</i>	114

4.7 Jenis <i>sungkup</i> masyarakat Iban	115
4.8 Analisis ragam hias <i>Sungkup</i>	117
4.8.1 Analisis ragam hias <i>sungkup</i> 1	118
4.8.2 Analisis ragam hias <i>sungkup</i> 2	126
4.8.3 Analisis ragam hias <i>sungkup</i> 3	134
4.8.4 Analisis ragam hias <i>sungkup</i> 4	138
4.8.5 Analisis ragam hias <i>sungkup</i> 5	142
4.8.6 Analisis ragam hias <i>sungkup</i> 6	150
4.8.7 Analisis ragam hias <i>sungkup</i> 7	159
4.9 Rumusan analisis ragam hias <i>sungkup</i>	165
4.10 Rumusan reka bentuk dan ragam hias <i>sungkup</i>	165
4.11 Penutup	167

BAB 5 DAPATAN KAJIAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	168
5.2 Perbincangan dapatan kajian	168
5.3 Rumusan ragam hias <i>sungkup</i>	169
5.4 Rumusan reka bentuk <i>sungkup</i>	171
5.5 Perbincangan analisis kajian	172
5.5 Cadangan kajian lanjutan	173
5.6 Kesimpulan	175
RUJUKAN	176
LAMPIRAN	186

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Fasa pembuatan <i>sungkup</i>	3
Jadual 1.2 Rubrik Analisis	16
Jadual 3.7 Rubrik analisis Reka Bentuk dan Ragam Hias pada <i>Sungkup</i> menggunakan pendekatan gabungan teori Panofsky dan Feldman	73
Jadual 4.1 Proses Pembuatan Monumen <i>Sungkup</i>	76
Jadual 4.2 Analisis Ragam Hias <i>Sungkup</i> 1	119
Jadual 4.3 Analisis Ragam Hias <i>Sungkup</i> 2	127
Jadual 4.4 Analisis Ragam Hias <i>Sungkup</i> 3	134
Jadual 4.5 Analisis Ragam Hias <i>Sungkup</i> 4	139
Jadual 4.6 Analisis Ragam Hias <i>Sungkup</i> 5	142
Jadual 4.7 Analisis Ragam Hias <i>Sungkup</i> 6	151
Jadual 4.8 Analisis Ragam Hias <i>Sungkup</i> 7	159
Jadual 5.1 Nama motif dalam setiap <i>sungkup</i>	169



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 1.1	Peta negeri Sarawak mengikut pecahan Bahagian	9
Rajah 1.2	Peta Kedudukan kawasan kajian	9
Rajah 1.3	Kerangka kajian	10
Rajah 1.4	Pendekatan Teori Erwin Panofsky (1972)	13
Rajah 1.5	Pendekatan Analisis Formalistik Oleh Edmund Burke Feldman (1996)	14
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian	60
Rajah 3.2	Soalan Temu Bual Informan	65
Rajah 3.3	Model Strategi Analisis Kritikal oleh Edmund Burke Feldman	69
Rajah 3.4	Model Strategi Analisis Kritikal oleh Erwin Panofsky	71
Rajah 4.1	(i) Pandangan depan <i>sungkup</i> , (ii) Pandangan belakang, (iii) Pandangan tepi, (iv) Pelan lantai	82
Rajah 4.2	Pandangan Depan <i>Sungkup 1</i>	83
Rajah 4.3	Pandangan Belakang <i>sungkup 1</i>	85
Rajah 4.4	Pandangan Tepi <i>sungkup 1</i>	85
Rajah 4.5	Pelan Lantai <i>sungkup 1</i>	86
Rajah 4.6	(i) Pandangan depan <i>sungkup</i> , (ii) Pandangan belakang, (iii) Pandangan tepi, (iv) Pelan lantai	87
Rajah 4.7	Pandangan Depan <i>Sungkup 2</i>	88
Rajah 4.8	Pandangan Belakang <i>sungkup 2</i>	89
Rajah 4.9	Pandangan Tepi <i>sungkup 2</i>	90
Rajah 4.10	Pelan Lantai <i>sungkup 2</i>	91
Rajah 4.11	(i) Pandangan depan <i>sungkup</i> , (ii) Pandangan belakang, (iii) Pandangan tepi, (iv) Pelan lantai	92
Rajah 4.12	Pandangan Depan <i>Sungkup 3</i>	92
Rajah 4.13	Pandangan Belakang <i>sungkup 3</i>	93
Rajah 4.14	Pandangan Tepi <i>sungkup 3</i>	94
Rajah 4.15	Pelan Lantai <i>sungkup 3</i>	95
Rajah 4.16	(i) Pandangan depan <i>sungkup</i> , (ii) Pandangan belakang, (iii) Pandangan tepi, (iv) Pelan lantai	96

Rajah 4.17	Pandangan Depan <i>Sungkup</i> 4	97
Rajah 4.18	Pandangan Belakang <i>sungkup</i> 4	98
Rajah 4.19	Pandangan Tepi <i>sungkup</i> 4	99
Rajah 4.20	Pelan Lantai <i>sungkup</i> 4	99
Rajah 4.21	(i) Pandangan depan <i>sungkup</i> , (ii) Pandangan belakang, (iii) Pandangan tepi, (iv) Pelan lantai	101
Rajah 4.22	Pandangan Depan <i>Sungkup</i> 5	101
Rajah 4.23	Pandangan Belakang <i>sungkup</i> 5	102
Rajah 4.24	Pandangan Tepi <i>sungkup</i> 5	103
Rajah 4.25	Pelan Lantai <i>sungkup</i> 5	104
Rajah 4.26	(i) Pandangan depan <i>sungkup</i> , (ii) Pandangan belakang, (iii) Pandangan tepi, (iv) Pelan lantai	105
Rajah 4.27	Pandangan Depan <i>Sungkup</i> 6	106
Rajah 4.28	Pandangan Belakang <i>sungkup</i> 6	107
Rajah 4.29	Pandangan Tepi <i>sungkup</i> 6	107
Rajah 4.30	Pelan Lantai <i>sungkup</i> 6	108
Rajah 4.31	(i) Pandangan depan <i>sungkup</i> , (ii) Pandangan belakang, (iii) Pandangan tepi, (iv) Pelan lantai	110
Rajah 4.32	Pandangan Depan <i>Sungkup</i> 7	111
Rajah 4.33	Pandangan Belakang <i>sungkup</i> 7	112
Rajah 4.34	Pandangan Tepi <i>sungkup</i> 7	113
Rajah 4.35	Pelan Lantai <i>sungkup</i> 7	114
Rajah 4.36	Jenis-jenis <i>Sungkup</i> 7	116


SENARAI FOTO

		Halaman
Foto 1.1	<i>Sungkup</i> jenis lama	4
Foto 1.2	<i>Sungkup</i> jenis baharu	5
Foto 2.1	<i>Jerunai</i>	34
Foto 2.2	<i>Keliring</i>	35
Foto 2.3	<i>Salong</i>	35
Foto 2.4	Tulang dalam tajau dan tajau tempat pengebumian	36
Foto 2.5	<i>Sunduk</i> lelaki dan <i>sunduk</i> wanita	37
Foto 2.6	<i>Bakul garung</i>	38
Foto 2.7	Monumen megalitik batu	39
Foto 2.8	Motif <i>mata puna bekarung</i> (ii) motif <i>nabau</i> (iii) motif buah <i>andu/rambing</i> (iv) motif <i>lelingkuk</i>	47
Foto 2.9	gelung untuk mengukir hujung motif	48
Foto 2.10	Motif <i>Lanjang Bungai Nuing</i>	50
Foto 2.11	Motif <i>Gumbang Besimpan</i>	50
Foto 2.12	Motif <i>Ringka Antu Pala</i>	51
Foto 2.13	Motif <i>Lang Tuai</i>	52
Foto 2.14	Motif <i>Sepit Api</i>	53
Foto 2.15	Motif <i>Gajah Meram</i>	53
Foto 4.1	(i) Tukul, (ii) Berus, (iii) Beliung, (iv) Parang, (v) Paku Lawang, (vi) Berus, (vii) Lungga dan (viii) Pita pengukur	79
Foto 4.2	<i>Sungkup</i> 1	82
Foto 4.3	<i>Sungkup</i> 2	87
Foto 4.4	<i>Sungkup</i> 3	91
Foto 4.5	<i>Sungkup</i> 4	95
Foto 4.6	<i>Sungkup</i> 5	100
Foto 4.7	<i>Sungkup</i> 6	104
Foto 4.8	<i>Sungkup</i> 7	109
Foto 4.9	Ragam hias <i>sungkup</i> 1 pandangan depan	118
Foto 4.10	Ragam hias pandangan atas dan ragam hias pandangan tepi <i>sungkup</i> 1	118
Foto 4.11	Motif <i>Balu menyagu</i>	122

Foto 4.12	Motif <i>lelingkuk</i>	123
Foto 4.13	Motif <i>gerama nyepit</i>	124
Foto 4.14	Motif <i>gerama ngerayap</i>	125
Foto 4.15	Ragam hias <i>sungkup</i> 2 pandangan depan	126
Foto 4.16	Ragam hias pandangan atas dan ragam hias pandangan tepi <i>sungkup</i> 2	126
Foto 4.17	Motif <i>pasun nyalak</i>	130
Foto 4.18	motif <i>janggut undai</i>	131
Foto 4.19	Motif <i>semawa terebai</i>	132
Foto 4.20	Motif <i>bingka senggang</i>	133
Foto 4.21	Ragam hias <i>sungkup</i> 3 pandangan depan	134
Foto 4.22	Motif <i>jagu bekaul iku</i>	136
Foto 4.23	Motif <i>tedung beambai</i>	137
Foto 4.24	Ragam hias <i>sungkup</i> 4 pandangan depan	138
Foto 4.25	Motif <i>naga begagai</i>	140
Foto 4.26	Motif <i>undai berasuk</i>	141
Foto 4.27	Ragam hias <i>sungkup</i> 5 pandangan depan	142
Foto 4.28	Motif <i>dulang inik manang</i>	146
Foto 4.29	Motif <i>naga begagai</i>	147
Foto 4.30	Motif <i>Randau Rembai</i>	148
Foto 4.31	Motif <i>paku kelindang</i>	149
Foto 4.32	Motif <i>bungai Rajang merundai</i>	150
Foto 4.33	Ragam hias <i>sungkup</i> 6 pandangan depan	150
Foto 4.34	Ragam hias <i>sungkup</i> 6 pandangan tepi	151
Foto 4.35	Motif <i>baya butang</i>	155
Foto 4.36	Motif <i>bingka senggang</i>	156
Foto 4.37	Motif <i>Rajang segempong</i>	157
Foto 4.38	Motif <i>tanduk rusa</i>	158
Foto 4.39	Ragam hias <i>sungkup</i> 7 pandangan depan	159
Foto 4.40	Motif <i>nabau</i>	161
Foto 4.41	Motif <i>antu gerasi bejengkau</i>	163
Foto 4.42	Motif <i>tanduk kijang</i>	164

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Senarai Glosari	Halaman 186
Lampiran B	Senarai Gambar	191



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam bab ini membincangkan tentang asal usul masyarakat Iban di negeri Sarawak, upacara Gawai Antu serta monumen kematian dalam masyarakat Iban iaitu *sungkup*. Dalam perayaan Gawai Antu terdapat satu upacara yang dijalankan oleh masyarakat Iban iaitu membuat monumen kematian dan bentuknya seperti pondok kecil yang dinamakan *sungkup*. Seterusnya, bab ini akan menyatakan pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian, skop kajian, lokasi kajian, huraian istilah dan metodologi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sarawak sememangnya terkenal dengan kepelbagaian suku kaum dan memaparkan pelbagai ikon budaya warisan kesenian silamnya. Sebahagian besar etnik yang tinggal di Sarawak adalah kaum Iban (*Sea Dayak*), Cina, Melayu, Bidayuh (*Land Dayak*), Melanau dan Orang Ulu yang merangkumi beberapa sub suku kaum seperti Kayan, Kenyah, Kelabit dan yang lain (Jayum A. Jawan 1994:23). Pengkaji menjadikan suku kaum Iban sebagai subjek dalam kajian kerana masyarakatnya mempunyai sejarahnya yang tersendiri dalam aspek kehidupan mahupun latar belakang dan juga asal usul mereka. Masyarakat Iban juga hidup dengan pelbagai budaya tradisi serta kesenian yang masih kekal diamalkan dari nenek moyang yang masih berpegang kuat kepada adat dan budaya tersebut.

Majlis yang dianggap upacara ritual ialah perlakuan yang telah ditentukan ataupun dirancang terlebih dahulu dan dilakukan secara berulang apabila wujud keadaan yang memerlukannya (Hanapi Dollah dan Mohd Nazri Ahmad, 2008: 132). Dalam masyarakat Iban, mereka juga turut mengadakan upacara ritual yang dipanggil *Gawai Antu* ataupun upacara untuk kematian. Dalam upacara ritual *Gawai Antu*, terdapat satu monumen binaan tradisi seperti sebuah pondok kecil dibuat oleh masyarakat Iban yang dipanggil *sungkup*¹ atau *burial hut*. Berdasarkan kajian perpustakaan yang dibuat oleh pengkaji mendapati, sumber berkaitan dengan monumen *sungkup* adalah amat terhad maka dengan itu telah mendorong minat pengkaji untuk menjalankan kajian dan analisis reka bentuk serta makna dalam penghasilan *sungkup*.

Seni rupa secara sederhana dapat difahami sebagai satu karya seni yang merangkumi aspek luaran, iaitu struktur dan bentuk dua dimensi dan tiga dimensi. Semua aspek itu dapat dilihat, dipegang dan digunakan sebagai kelengkapan budaya (Siti Zainon, 2008: 221). Oleh hal yang sedemikian, berdasarkan pemerhatian awal ini pengkaji juga turut mengenal pasti ikon yang tersirat pada ragam hias dan struktur *sungkup*.

Leo Nyuak dan Edm Dunn (1966:171) turut menjelaskan bahawa upacara yang terakhir sekali berhubung kait dengan upacara kematian dalam masyarakat Iban adalah *sungkup-feast*. Kebiasaannya perayaan ini dibuat selepas setahun ataupun dua tahun kematian berlaku. Namun begitu, Lucas Chin (1987:3) mengatakan bahawa masyarakat Iban menjalankan perayaan *gawai antu* ini di antara 10 hingga 15 tahun selepas kematian. Hal ini kerana, perayaan ini memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk melaksanakannya.


Dalam masyarakat Iban, mereka bukan sahaja pandai membuat tatu, menenun *pua kumbu*, membuat anyaman malah juga pandai mengukir (Chemaline Usop, 2013: 21). Antara ukiran yang dibuat oleh masyarakat Iban adalah membuat ukiran pada

¹ *Sungkup* adalah satu bentuk seni bina tradisional yang seperti pondok kecil yang dibuat semasa perayaan *Gawai Antu*

monumen kematian *sungkup*. Penghasilan ragam hias ukiran pada *sungkup* adalah berdasarkan cerita rakyat yang berasal daripada *Sengalang Burung* iaitu dewa perang kaum masyarakat Iban. Dewa *Sengalang Burung* dikatakan telah mengajar *Sera Gunting* iaitu cucu beliau untuk menghasilkan ukiran yang dipanggil *balu menyagu*.

Sungkup dihasilkan menggunakan jenis kayu yang keras misalnya kayu belian. *Sungkup* dibuat semasa upacara perayaan *gawai antu*. Selepas upacara tersebut diadakan mereka akan menghantar *sungkup* tersebut ke kawasan perkuburan. Dalam penghasilan *sungkup*, pengkaji mengklasifikasikannya kepada tiga fasa yang seharusnya diikuti iaitu *Beban*, *Ngeretok* dan *Nganjung Sungkup*. Jadual berikut merupakan fasa yang dilakukan semasa pembuatan *Sungkup*:

Jadual 1.1: Fasa Pembuatan *Sungkup*

Bil.	Fasa	Makna
1.	 <i>Beban</i>	<p>Beban merupakan kerja mencari kayu atau <i>ramu</i> untuk membuat <i>sungkup</i>. Sebelum bermulanya <i>beban</i>, satu persembahan seperti penyembelihan ayam dilakukan di tempat <i>beban</i> ramu tersebut. Darah ayam akan digunakan untuk <i>genselan</i> atau memberkati kawasan <i>beban</i> daripada gangguan roh jahat. Kebiasaannya kayu yang digunakan untuk membuat <i>sungkup</i> ini adalah kayu jenis keras dan tahan lama iaitu kayu <i>belian</i>. Dalam proses untuk menebang kayu yang digunakan untuk membuat <i>sungkup</i>, terdapat pantang larang yang perlu diikuti. Kayu papan yang terhasil daripada proses <i>beban</i> tidak boleh dibawa balik ke rumah dan perlu ditinggalkan dalam semak berhampiran dengan halaman rumah sehingga proses <i>ngeretok</i> bermula.</p>
2.	<i>Ngeretok</i>	<p><i>Ngeretok</i> merupakan proses pembuatan <i>sungkup</i> secara keseluruhannya. <i>Sungkup</i> biasanya dibuat di luar rumah yang dipanggil <i>tanju</i>. Tukang yang membuat <i>sungkup</i> biasanya</p>

		orang yang mahir mengukir. Proses <i>Ngeretok</i> boleh dilakukan oleh beberapa orang yang mahir agar mudah disiapkan secepat mungkin. Proses membuat <i>sungkup</i> ini biasanya berdasarkan rentetan masa upacara <i>Gawai Antu</i> dilaksanakan. <i>Sungkup</i> yang dibina mempunyai reka bentuknya tersendiri dan ragam hias yang diukir.
3.	<i>Nganjung Sungkup</i>	Proses terakhir adalah menghantar <i>sungkup</i> atau <i>nganjung sungkup</i> tersebut ke kuburan. <i>Sungkup</i> biasanya dihantar ke <i>pendam</i> pada awal pagi.

Namun begitu, terdapat perbezaan pembuatan antara *sungkup* zaman dahulu dan sekarang. Pada zaman dahulu *sungkup* yang dihasilkan mempunyai empat keping kepek ataupun *pemanjar* (Foto 1). Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi kepala *sungkup* seperti (Foto 2).




Foto 1: *Sungkup* jenis lama

Sumber: Sarawak Museum Journal Volume xxiv



Foto 2: *Sungkup* jenis baharu

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang telah dikenal pasti adalah maklumat mengenai monumen *sungkup* ini adalah agak terhad. Berdasarkan kajian perpustakaan, kebanyakan bahan rujukan hanya menerangkan sedikit berkaitan dengan maksud *sungkup*, *upacara gawai antu* dan tidak membincangkan berkaitan dengan keseniannya. Setiap perayaan Gawai Antu mesti membuat monumen *sungkup*. Masyarakat Iban di Saribas, Kalaka dan Skrang rasa bersalah apabila mereka tidak membuat *sungkup* semasa perayaan Gawai Antu (Benedict Sandin 1980: 52). Dengan itu, perkara tersebut telah mendorong minat pengkaji untuk mengenal pasti kenapa ianya menjadi kemestian dalam masyarakat Iban di Sarawak.

Di samping itu juga, pemerhatian awal pengkaji terhadap seni bina *sungkup* ini jelas menunjukkan kehalusan pada seni ragam hias pada *sungkup* tersebut. Adakah ragam hias tersebut membawa makna dan mempunyai signifikan dengan si mati yang diraikan ataupun ada makna sebaliknya? Namun begitu, setiap bangsa mempunyai budaya serta falsafah yang tersendiri. Misalnya kaum Melanau mereka membina tanda kematian serta keranda *tajau* yang diletakkan di atas tiang yang diukir yang dikenali sebagai *jeruna*², begitu juga kaum Kenyah, mereka juga membuat pondok

² Tiang pemakaman kematian untuk suku kaum Melanau juga turut dikenali sebagai *kelidang*.

pemakaman iaitu *salong*³. Kesemua upacara pembuatan pondok kematian ini menjadi simbol sesebuah masyarakat. Di samping itu juga, dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak teknik pembuatan *sungkup* ini banyak perbezaanya mengikut daerah dan tempat. Hal ini disebabkan oleh faktor penempatan serta latar belakang orang yang membuat *sungkup* tersebut. Oleh hal yang demikian, telah mendorong pengkaji untuk menyelidiki tentang kesenian dalam ragam hias yang terdapat pada *sungkup*.

Dari segi teori Uchiburi (1983) dalam Dzulfawati Hassan (2008:9) mendapati upacara kematian masyarakat Iban adalah mudah. Namun begitu, *Gawai Antu* menunjukkan bahawa upacara kematian Iban juga adalah kompleks dan penting dalam masyarakat tersebut. Sehubungan dengan itu, pembuatan monumen pondok kematian *sungkup* jelas menunjukkan bahawa kematian dalam masyarakat Iban tidaklah semudah yang dikatakan. Mengikut kepercayaan, pembinaan *sungkup* dapat dilihat reka bentuk *sungkup* tersebut mengandungi pelbagai maksud dalam budaya masyarakat Iban. Terutamanya berkaitan dengan upacara kematian.

1.4 Objektif Kajian

Penumpuan terhadap kawasan kajian monumen *sungkup* ini iaitu di kampung Ulu Entabai, Sarikei, Sarawak menimbulkan beberapa persoalan khususnya, mengenai reka bentuk monumen kematian *sungkup* ini. Justeru itu, kajian ini mensasarkan kepada tujuan berikut:

- i) Mengenal pasti reka bentuk yang terdapat dalam penghasilan monumen *sungkup* dalam masyarakat Iban di Sarawak.
- ii) Menganalisis dan menjelaskan makna yang tersirat pada ragam hias yang terdapat pada monumen *sungkup* dalam masyarakat Iban di Sarawak.

³ Pondok pemakaman bagi suku kaum Kenyah yang ternama ataupun golongan bangsawan diperbuat daripada kayu keras *belian*.